



## LAPORAN RINGKAS

# KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 1.0 (PKP1.0) KE ATAS RAKYAT MALAYSIA

**InsPeK UMK**  
**2021**

Oleh:

Pasukan Penyelidik  
Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK)  
**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

# **LAPORAN RINGKAS**

## **KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 1.0 (PKP1.0) KE ATAS RAKYAT MALAYSIA**

### **Pasukan Penyelidik**

Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal Bin Wan Ismail  
Dr. Ahmad Fahme Bin Mohd Ali  
Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Bin Abdullah  
Prof. Madya Dr. Azwan Bin Abdullah  
Dr. Noor Hisham Bin Md Naw  
Dr. Nurhanan Binti Abdul Rahman  
Dr. Tengku Fauzan Binti Tengku Anuar  
Encik Wan Azlee Bin Hj. Wan Abdullah  
Puan Wan Suzanna Aafanii Adeeba Binti Wan Ibrahim  
Dr. Tuan Muhammad Zukri Bin Tuan Sembok  
Encik Hafizi Bin Mat Salleh  
Puan Siti Asma Binti Md Rasdi

**Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK)**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

waamirzal@umk.edu.my / inspek@umk.edu.my

Copyright © InsPeK UMK, 2021

### **Hakcipta terpelihara InsPeK UMK, 2021**

Hakcipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan.

### **Judul dan nama penulis:**

Laporan Ringkas Kajian Impak Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 (PKP1.0) Ke Atas Rakyat Malaysia/ Wan Ahmad Amir Zal Bin Wan Ismail, Ahmad Fahme Bin Mohd Ali, Zailani Bin Abdullah, Azwan Bin Abdullah, Noor Hisham Bin Md Naw, Nurhanan Binti Abdul Rahman, Tengku Fauzan Binti Tengku Anuar, Wan Azlee Bin Hj. Wan Abdullah, Wan Suzanna Aafanii Adeeba Binti Wan Ibrahim, Tuan Muhammad Zukri Bin Tuan Sembok, Hafizi Bin Mat Salleh dan Siti Asma Binti Md Rasdi.

### **Diterbitkan oleh:**

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK),  
Universiti Malaysia Kelantan,  
16300 Bachok, Kelantan



waamirzal@umk.edu.my / inspek@umk.edu.my

LAPORAN RINGKAS  
KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 1.0 (PKP1.0)  
KE ATAS RAKYAT MALAYSIA

HALAMAN

<b>Perkara</b>	<b>Halaman</b>
<b>1.0 RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	<b>1</b>
<b>2.0 PENGENALAN</b>	<b>2</b>
<b>3.0 BAGAIMANA MALAYSIA MEMBERI REAKSI KEPADA PANDEMIK COVID-19?</b>	<b>2</b>
<b>4.0 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>4</b>
<b>5.0 HASIL KAJIAN</b>	<b>4</b>
<b>6.0 POLA PERBELANJAAN SEBELUM DAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 1.0 (PKP1.0)</b>	<b>4</b>
<b>7.0 IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 1.0 (PKP1.0)</b>	<b>8</b>
7.1 Perkara yang dibimbangkan responden	8
7.2 Kemampuan bekalan makanan untuk bertahan	12
7.3 Kesan PKP ke atas sumber pendapatan atau simpanan	14
7.4 Kecukupan sumber pendapatan atau simpanan	17
<b>8.0 PEMULIHAN SEBAGAI REAKSI KEPADA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 1.0 (PKP1.0)</b>	<b>20</b>
8.1 Tempoh kemampuan kewangan	20
8.2 Strategi untuk kembali pulih	23
<b>9.0 KESIMPULAN</b>	<b>27</b>

## 1.0 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pandemik Covid-19 telah memberi kesan pelbagai aspek kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia. Ia bukan sahaja menekankan kesejahteraan hidup rakyat, tetapi juga mencipta bentuk kemiskinan baharu yang dikenali sebagai kemiskinan situasi (situational poverty) dan merencatkan usaha untuk pulih kemudiannya. Bagi mengekang impak yang lebih buruk dari pandemik Covid-19, Malaysia telah mengambil tindakan drastik yang mempunyai matlamat dua dalam satu, iaitu untuk memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 dan tidak terlalu menjejaskan ekonomi negara. Secara khususnya, tindakan yang diambil oleh Malaysia adalah dengan memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk memahami impak dari pelaksanaan PKP1.0 dengan meneliti pola perbelanjaan, impak dan strategi digunakan oleh rakyat Malaysia untuk kembali pulih. Kajian telah dilaksanakan oleh InsPeK UMK dengan mengumpulkan data dari pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia dengan menggunakan platform dalam talian, iaitu Google Form. Hasil kajian mendapati bahawa pelaksanaan PKP1.0 telah memberi kesan yang berbeza-beza mengikut latar belakang responden. Perbezaan yang paling ketara adalah pada empat (4) dimensi, iaitu status pekerjaan, sektor pekerjaan, mode memperoleh pendapatan dan pendapatan bulanan. Data menunjukkan kelompok yang kehilangan pekerjaan semasa dan selepas PKP1.0, bekerja sendiri, mode memperoleh pendapatan secara tidak tetap dan berpendapatan rendah adalah paling teruk terkesan dari pelaksanaan PKP1.0. Justeru mereka digelar sebagai kelompok terancam. Pola perbelanjaan mereka turut berubah sebelum dan semasa PKP1.0 yang mana mereka lebih berhati-hati berbelanja dan mengutamakan perbelanjaan yang asas serta penting sahaja. Mereka sememangnya bimbang dengan jangkitan Covid-19, namun lebih ketara mereka bimbang pada masalah berkaitan wang belanja harian yang tidak mencukupi, kekurangan wang untuk membeli bekalan makanan dan kehilangan pekerjaan. Mereka turut bimbang dengan sumber pendapatan selepas PKP1.0 dan simpanan yang semakin berkurangan atau tiada langsung. Selain itu, kesan ketara dari PKP1.0 bagi kelompok terancam ini adalah hilang sumber pendapatan, dan ini memberi ancaman kepada kecukupan sumber pendapatan dan simpanan mereka. Antara strategi yang digunakan untuk memulihkan pendapatan mereka adalah, selain dari meneruskan kerja yang ada, mereka juga cuba mencari sumber pendapatan baharu dan cuba mendapatkan bantuan daripada pelbagai pihak, khususnya daripada pihak kerajaan.

## 2.0 PENGENALAN

- 2.1 Tidak boleh dinafikan bahawa Covid-19 telah memberi kesan pelbagai sudut kepada semua lapisan masyarakat, termasuklah membentuk insiden kemiskinan baharu. Menurut *World Economic Forum* (2020), diandaikan sebanyak 20 peratus insiden kemiskinan di seluruh negara meningkat sebagai kesan langsung dari Covid-19. Manakala menurut World Bank (2020), dijangkakan seramai 40 juta hingga 60 juta pertambahan individu menjadi miskin di seluruh dunia akibat daripada pandemik Covid-19. Jumlah tersebut menyumbang sebanyak 0.3 peratus hingga 0.7 peratus kepada peratusan kemiskinan global, dan meningkatkan kemiskinan global menjadi 9 peratus (World Bank, 2020).
- 2.2 Kesan berantainya pula menyebabkan berlakunya kemiskinan situasi (*situational poverty*) yang mana bukan sahaja menyebabkan komuniti miskin terus terperangkap dalam kemiskinan, tetapi boleh menyebabkan kelompok pendapatan rendah dan menengah turut menjadi miskin (Payne, 2009). Menurut Jensen (2009), *situational poverty* merujuk kepada keadaan tertentu yang menyebabkan individu menjadi miskin secara tiba-tiba. Definisi tersebut memberi maksud bahawa *situational poverty* memberi kesan langsung kepada dua kelompok berbeza, iaitu kelompok pertama kumpulan miskin yang sememangnya miskin; dan kelompok kedua adalah kelompok yang menjadi miskin disebabkan oleh peristiwa yang berlaku.
- 2.3 Kemiskinan situasi juga disebabkan oleh faktor lain, antaranya ialah kehilangan pekerjaan, kematian ketua isi keluarga, perceraian, ditimpa kemalangan atau sakit kronik. Dalam konteks sekarang, pandemik Covid-19 telah menjejaskan pendapatan banyak pihak, termasuklah menyebabkan kehilangan pekerjaan atau mendapat gaji separuh. Namun, kebiasaannya ia hanya berlaku dalam tempoh sementara sahaja.
- 2.4 Khususnya dalam kalangan kelompok berpendapatan rendah dan sederhana, mereka sangat terancam dan mudah terjejas dengan krisis, dan berkemungkinan akan terjerumus dalam kemiskinan serta menjadi kelompok miskin serta-merta. Inilah keunikan kemiskinan situasi yang mana ia bukan hanya berlaku pada kelompok yang sedia miskin (pendapatan RM980 sebulan) atau *generational poor* sahaja, sebaliknya juga melibatkan kelompok berpendapatan rendah (pendapatan RM980 hingga RM2,614 sebulan), kelompok pendapatan pertengahan rendah (RM2,614 hingga RM4360 sebulan) dan kelompok pendapatan pertengahan tinggi atau M40 (RM4,360 hingga RM9,619). Pengkategorian ini merupakan kluster pendapatan isi rumah yang digunakan di Malaysia (ICU, 2016).

## 3.0 BAGAIMANA MALAYSIA MEMBERI REAKSI KEPADA PANDEMIK COVID-19?

- 3.1 Sedar dengan kesan negatif dari pandemik Covid-19, Malaysia telah mengambil tindakan yang drastik namun tersusun. Tindakan tersebut mempunyai matlamat dua dalam satu, iaitu untuk memutuskan rantai jangkitan COVID-19 dalam kalangan penduduk di Malaysia, dan dalam masa yang sama tidak terlalu menjejaskan ekonomi negara.

- 3.2 Justeru, tindakan yang diambil oleh Malaysia ialah dengan memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 (PKP1.0). PKP 1.0 adalah berbeza dari lockdown atau emergency order, yang mana rakyat Malaysia bukannya dihalang dari melakukan aktiviti harian semua sekali. Sebaliknya mereka digesa 'stay at home', di samping mereka masih dibolehkan keluar untuk mendapatkan keperluan harian mereka dengan kawalan operasi prosedur yang ketat.
- 3.3 Secara ringkasnya, PKP yang diperkenalkan oleh Malaysia mempunyai empat kategori berbeza, dan setiap fasa tersebut mempunyai tempoh dan syarat yang khusus. Empat kategori perintah kawalan tersebut ialah:
- 1) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
  - 2) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB);
  - 3) Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD); dan
  - 4) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).
- 3.4 Pada peringkat awal (setakat dilaksanakan pada tahun 2020), setiap kategori perintah kawalan tersebut mempunyai pecahan fasa dan tarikh yang berbeza. Bagi jenis pertama yang dikenali sebagai PKP, terdapat empat fasa, iaitu sehingga kini mempunyai empat fasa, iaitu 1) Fasa 1: 18 Mac hingga 31 Mac 2020; 2) Fasa 2: 01 April hingga 14 April 2020; 3) Fasa 3: 15 April hingga 28 April 2020; 4) Fasa 4: 29 April hingga 12 Mei 2020.
- 3.5 PKPB pula hanya mempunyai satu fasa sahaja, iaitu pada 13 Mei hingga 09 Jun 2020. Begitu juga dengan PKPP, hanya ada satu fasa sahaja setakat laporan ini dihasilkan, iaitu pada 10 Jun hingga 31 Ogos 2020. Manakala PKPD hanya dilaksanakan di kawasan merah sahaja, iaitu kawasan yang mempunyai jumlah pesakit terjangkit yang tinggi. Secara keseluruhannya, PKP di Malaysia melibatkan enam fasa, iaitu 1) Fasa 1: 18 Mac hingga 31 Mac 2020; 2) Fasa 2: 01 April hingga 14 April 2020; 3) Fasa 3: 15 April hingga 28 April 2020; 4) Fasa 4: 29 April hingga 12 Mei 2020.
- 3.6 Pelaksanaan PKP sudah pasti memberi kesan langsung kepada ekonomi di Malaysia. Menurut *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER) (2020), dijangkakan sebanyak 951,000 orang akan kehilangan pekerjaan yang mana sebanyak 647,000 orang adalah dari kalangan pekerja yang tidak mahir dan 303,000 orang pekerja mahir.
- 3.7 Jika dikhususkan kesannya ke atas sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), kesan COVID-19 telah menyebabkan sebanyak 95 peratus PKS berhadapan dengan penurunan dalam jualan, 80 peratus pula berdepan dengan tutup sementara; dan 93 peratus perniagaan menjadi tidak stabil selama 6 bulan (PRIHATIN, 2020). Juga, PKS bukan sahaja tidak dapat meneruskan aktiviti perniagaan rutin mereka, tetapi ada kemungkinan mereka akan berhadapan dengan kemuflihan yang mana dijangkakan sebanyak 480,000 PKS berpotensi untuk bankrap dan sekitar 8 juta orang akan kehilangan pekerjaan (PRIHATIN, 2020).

3.8 Realiti ini disokong pula dengan data yang dikongsikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) (2020) yang mendapati sebanyak 53.4 peratus firma perniagaan hanya mampu bertahan selama 1 hingga 2 bulan sahaja sekiranya memberi kemudahan cuti bergaji penuh atau separuh gaji diberikan kepada pekerja. Lebih teruk apabila sebanyak 67.8 peratus firma perniagaan tidak mempunyai sumber pendapatan sepanjang tempoh PKP. Dari sisi pekerja pula, data DOSM menunjukkan sebanyak 46.6 peratus responden telah kehilangan pekerjaan sepanjang PKP fasa pertama diisytiharkan (DOSM, 2020).

3.9 Justeru, bagi memahami realiti bagaimana pelaksanaan PKP1.0 memberi impak kepada rakyat Malaysia, maka ini telah dilaksanakan.

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

4.1 Kajian ini dilaksanakan untuk menilai kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 (PKP1.0) di Malaysia dengan menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya dan menggunakan reka bentuk tinjauan (survey). Borang soal selidik khusus telah dibina oleh pakar di InsPeK UMK.

4.2 Borang soal selidik mempunyai tiga (3) bahagian utama, dan tidak termasuk bahagian demografi. Tiga bahagian tersebut adalah 1) pola perbelanjaan responden; 2) impak PKP dan 3) strategi pemulihan yang digunakan oleh responden. Setiap bahagian tersebut dioperasionalkan pula kepada empat (4) dimensi khusus, iaitu:

- 1) **Status pekerjaan:** i) bekerja sebelum dan semasa PKP (tidak hilang pekerjaan dan mempunyai gaji penuh); ii) bekerja sebelum PKP dan hilang pekerjaan semasa PKP; dan iii) hilang pekerjaan semasa dan selepas PKP.
- 2) **Sektor pekerjaan:** i) Sendiri; ii) Swasta; dan iii) Kerajaan.
- 3) **Mode memperoleh pendapatan:** i) Gaji berasaskan tugas; ii) Gaji berasaskan jam; iii) Gaji berasaskan mingguan; iv) Gaji berasaskan bulanan; dan v) Gaji berasaskan permintaan.
- 4) **Pendapatan sebulan:** i) RM580 ke bawah; ii) RM580 hingga RM980; iii) RM981 hingga RM2614; iv) RM2615 hingga RM4360; v) RM4361 hingga RM9619; dan vi) RM9620 dan ke atas.

4.3 Data dikumpulkan dari pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia dengan menggunakan platform dalam talian, iaitu Google Form.

#### 5.0 HASIL KAJIAN

5.1 Hasil kajian dipamerkan dalam tiga kategori, iaitu 1) pola perbelanjaan untuk mendapatkan keperluan asas sebelum dan semasa PKP1.0, 2) impak PKP1.0 ke atas pendapatan dan perbelanjaan, dan 3) strategi pemulihan yang digunakan. Setiap data dipecahkan pula kepada empat (4) kategori utama, iaitu 1) status pekerjaan, 2) sektor pekerjaan, 3) mode memperoleh pendapatan, 4) jumlah pendapatan sebulan.

## 6.0 POLA PERBELANJAAN SEBELUM DAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 1.0 (PKP1.0)

- 6.1 Jadual 6.1 menunjukkan data berkaitan pola perbelanjaan responden sebelum dan semasa perintah kawalan pergerakan 1.0 (PKP1.0). Hasil kajian mendapati pola perbelanjaan antara tiga status pekerjaan adalah berbeza untuk tujuh tempoh berbeza. Data responden yang bekerja sebelum PKP dan hilang pekerjaan semasa PKP, menunjukkan perubahan pola yang ketara, iaitu semasa PKP, perbelanjaan meningkat dengan ketara. Manakala kelompok yang hilang pekerjaan semasa dan selepas PKP cenderung untuk mengekalkan pola perbelanjaan yang diamalkan sebelum hilang pekerjaan, dan mengubah sedikit dengan membuat perbelanjaan pada hujung bulan yang menyebabkan peningkatan pola perbelanjaan kepada 1 bulan sekali.
- 6.2 Data mengikut sektor pekerjaan responden menunjukkan pekerja dari sektor swasta dan kerajaan, pola perbelanjaan sebelum PKP adalah hampir sama, iaitu rata-rata berbelanja setiap hari, tiga hari sekali dan 1 minggu sekali. Manakala responden yang bekerja sendiri mempunyai perbelanjaan yang lebih tinggi dalam tempoh berbelanja setiap hari dan sama dengan sektor lain, iaitu tiga hari sekali. Namun, apabila berlakunya PKP, pola perbelanjaan responden dari ketiga-tiga sektor menjadi hampir sama, iaitu setiap tiga hari sekali dan 1 minggu sekali.
- 6.3 Data yang dipecahkan mengikut sektor pekerjaan pula menunjukkan bahawa aling ketara perbezaan adalah bagi responden yang memperoleh gaji berasaskan mingguan, iaitu mereka tidak membuat perbelanjaan secara bulanan, sama ada sebelum atau semasa berlakunya PKP. Malah pola perbelanjaan mereka berubah dan tidak stabil kerana, terdapat pengubahsuaian pola perbelanjaan. Sebelum PKP, ada yang berbelanja setiap 5 hari sekali, namun apabila berlaku PKP, mereka tidak lagi berbelanja setiap 5 hari sekali. Perbelanjaan mereka juga menjadi tidak menentu, kerana berbelanja hanya mengikut keadaan tertentu yang tidak pasti. Pola ini disebabkan oleh mereka kehilangan pendapatan semasa berlakunya PKP. Manakala bagi kategori lain, pola perbelanjaan juga tidak sama sebelum berlakunya PKP. Namun, semasa berlaku PKP, pola perbelanjaan mereka menunjukkan persamaan pada tempoh tertentu, iaitu perbelanjaan pada setiap 1 minggu sekali.
- 6.4 Data menunjukkan pola perbelanjaan adalah berbeza mengikut pendapatan sebulan. Paling ketara berlaku perbezaan adalah responden yang berpendapatan RM9620 dan ke atas yang mana lebih kerap berbelanja setiap hari dan 1 minggu sekali sebelum PKP. Namun, apabila berlakunya PKP, pola perbelanjaan menjadi hampir sama dengan kategori pendapatan lain, iaitu perbelanjaan berlaku pada setiap tiga hari dan 12 minggu sekali. Responden berpendapatan bawah RM580 sebulan menunjukkan pola yang berbeza, iaitu lebih kerap berbelanja pada setiap tiga hari pada sebelum PKP. Apabila berlakunya PKP, pola perbelanjaan berlaku pengubahsuaian, iaitu mereka mengurangkan perbelanjaan dari setiap 3 hari kepada perbelanjaan setiap 1 minggu sebagaimana responden dalam kategori lain. Namun, ada yang mengekalkan perbelanjaan 1 bulan sekali dan lain-lain tempoh yang tidak konsisten.

- 6.5 Berkaitan dengan data mengikut pecahan jantina, didapati pola perbelanjaan adalah berbeza dari aspek tempoh masa berbelanja. Pola perbelanjaan golongan wanita ditumpukan kepada 3 hari sekali dan 1 minggu sekali. Sedangkan sebelum PKP dilaksanakan, perbelanjaan ditumpukan kepada hampir setiap hari. Sementara bagi golongan lelaki, mereka mula menukar gaya berbelanja sebelum setiap hari dan 3 hari sekali, kepada berbelanja setiap 3 hari sekali dan seminggu sekali.
- 6.6 Dari aspek umur pula, pola berbelanja sebelum PKP kebanyakannya ditumpukan kepada setiap hari dan 3 hari sekali. Namun apabila berlakunya PKP, perbelanjaan untuk setiap 3 hari sekali semakin meningkatkan, dan ketara sekali peningkatan adalah pada setiap 1 minggu sekali. Pola perbelanjaan ini menunjukkan pola hampir sama pada kategori umur yang berbeza.

**LAPORAN RINGKAS**  
**KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 1.0 (PKP1.0)**  
**KE ATAS RAKYAT MALAYSIA**

Jadual 6.1. Pola Perbelanjaan Responden Sebelum dan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 (PKP1.0) (%).

		Setiap hari		3 hari sekali		5 hari sekali		1 minggu sekali		2 minggu sekali		1 bulan sekali		Lain-lain	
		Sebelum	Semasa	Sebelum	Semasa	Sebelum	Semasa	Sebelum	Semasa	Sebelum	Semasa	Sebelum	Semasa	Sebelum	Semasa
Status pekerjaan	Bekerja sebelum dan semasa PKP (tidak hilang pekerjaan dan gaji penuh)	19.2	3.8	23.8	29.8	8.4	15.4	33.0	32.3	11.2	12.9	3.9	4.4	0.5	1.4
	Bekerja sebelum PKP dan hilang pekerjaan semasa PKP	21.0	5.0	33.1	34.3	8.8	16.0	19.9	29.8	12.2	9.4	3.3	3.3	1.7	2.2
	Hilang pekerjaan semasa dan selepas PKP	29.4	2.9	29.4	29.4	5.9	17.6	20.6	26.5	5.9	8.8	5.9	11.8	2.9	2.9
Sektor pekerjaan	Sendiri	29.5	5.1	31.4	35.3	5.8	16.7	18.6	29.5	9.0	6.4	3.8	3.2	1.9	3.8
	Swasta	18.2	4.5	20.4	28.7	9.2	15.6	31.5	31.8	14.6	12.4	5.4	6.1	0.6	1.0
	Kerajaan	18.1	3.4	26.8	30.3	8.6	15.3	32.9	32.3	10.0	13.6	3.1	3.9	0.5	1.4
Mode memperoleh pendapatan	Gaji berasaskan tugas	17.3	4.5	26.4	30	9.1	14.5	31.8	31.8	6.4	11.8	5.5	4.5	3.6	2.7
	Gaji berasaskan jam	18.5	7.4	29.6	40.7	7.4	22.2	29.6	11.1	7.4	14.8	7.4	3.7	0	0
	Gaji berasaskan mingguan	31.3	12.5	43.8	56.3	18.8	0	0	25	6.3	0	0	0	0	6.3
	Gaji berasaskan bulanan	19.1	3.8	24	29.1	8.4	15.4	32.5	32.9	12	12.9	3.8	4.8	0.3	1.3
	Gaji berasaskan permintaan	26.2	2.8	32.7	35.5	6.5	18.7	16.8	29	13.1	8.4	2.8	2.8	1.9	2.8
Pendapatan sebulan	RM580 ke bawah	18.6	7.0	39.5	30.2	11.6	18.6	11.6	27.9	11.6	9.3	4.7	4.7	2.3	2.3
	RM580 hingga RM980	21.2	7.6	33.3	35.4	9.1	15.2	21.2	25.8	7.6	6.1	7.6	4.5	0	4.5
	RM981 hingga RM2614	19.0	2.9	25.1	27	9.8	17.5	30.2	31.7	12.1	15.6	2.9	4.4	1.0	1.0
	RM2615 hingga RM4360	19.4	4.1	26.1	30.6	6.0	16	30.6	31.3	13.1	10.4	4.5	6.7	0.4	0.7
	RM4361 hingga RM9619	19.0	2.9	25.2	34.2	9.4	13.5	33.5	33.9	10	11.6	1.9	2.3	1.0	1.6
	RM9620 dan ke atas	29.3	8.6	8.6	24.1	3.4	12.1	37.9	31	8.6	13.8	12.1	5.2	0	5.2
Jantina	Lelaki	22.4	5.6	27.8	40.2	9.8	15.3	27.1	26.7	9.6	8.0	2.7	2.9	.7	1.3
	Wanita	17.9	2.8	23.9	23.4	7.4	15.7	32.8	35.4	2.5	15.2	4.8	5.6	0.8	1.8
Umur	18-25	21.2	4.5	25.8	30.3	6.1	12.1	33.3	37.9	9.1	13.6	4.5	0	0	1.5
	26-30	13.8	5.2	24.1	22.4	9.8	16.7	25.3	31.0	17.8	14.4	8.0	9.2	1.1	1.1
	31-40	20.1	3.2	25.2	27.9	9.4	18.5	31.6	30.9	10.5	13.7	3.2	5.0	0	0.7
	41-60	22.3	4.2	27.1	37.7	7.2	12.5	30.5	31.8	9.3	9.3	2.4	1.9	1.3	2.7
	61 dan ke atas	0	0	0	16.7	0	0	50.0	33.3	16.7	0	16.7	33.3	16.7	16.7

## 7.0 IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 1.0 (PKP1.0)

Impak PKP1.0 diperhatikan berasaskan empat (4) sudut, iaitu 1) Perkara yang dibimbangkan responden; 2) Kesan ke atas sumber pendapatan atau simpanan; 3) Kecukupan sumber pendapatan atau simpanan; dan 4) Kemampuan bekalan makanan untuk bertahan.


### 7.1 Perkara yang dibimbangkan responden

Perkara pertama yang diteliti dalam kajian ini berkaitan dengan impak PKP ke atas responden ialah berkaitan perkara yang mereka bimbang sebaik sahaja PKP dilaksanakan (rujuk Jadual 7.1). Lapan (8) perkara yang diteliti dari kajian ini, iaitu:

- 1) Tidak mempunyai simpanan untuk kegunaan semasa kecemasan;
- 2) Jangkitan Covid-19;
- 3) Wang belanja harian tidak mencukupi;
- 4) Kekurangan wang untuk membeli bekalan makanan;
- 5) Wang simpanan berkurangan;
- 6) Kemampuan untuk membayar bil bulanan;
- 7) Kemampuan untuk membayar hutang; dan
- 8) Kehilangan pekerjaan.


7.1.1 Merujuk kepada Rajah 7.1, responden yang bekerja sebelum dan semasa PKP (tidak hilang pekerjaan dan gaji penuh), perkara yang paling dibimbangkan mereka ialah berkaitan dengan jangkitan Covid-19 (58.2%). Namun, bagi responden yang bekerja sebelum PKP dan hilang pekerjaan semasa PKP, perkara yang dibimbangkan ialah jangkitan Covid-19 (25.4%), kekurangan wang untuk membeli bekalan makanan (17.7%) dan kehilangan pekerjaan (14.9%). Manakala responden yang hilang pekerjaan semasa dan selepas PKP, perkara yang mereka bimbangkan adalah tidak mempunyai simpanan untuk kegunaan semasa kecemasan (26.5%), jangkitan Covid-19 dan kekurangan wang untuk membeli bekalan makanan (masing-masing 17.6%) dan kehilangan pekerjaan (11.8%).

Rajah 7.1. Perkara yang dibimbangkan- Status pekerjaan.




7.1.2 Rajah 7.2 menunjukkan pecahan data mengikut sektor pekerjaan yang menunjukkan kebanyakan pekerja dari sektor swasta dan kerajaan yang mempunyai gaji tetap lebih bimbang kepada jangkitan Covid-19 (masing-masing 41.% dan 63.2%). Namun bagi responden yang bekerja sendiri, mereka bimbang isu berkaitan kekurangan wang untuk membeli bekalan makanan (17.3%) dan jangkitan (26.9%).

Rajah 7.2. Perkara yang dibimbangkan- Sektor pekerjaan.




7.1.3 Rajah 7.3 menunjukkan data dengan pecahan mode memperoleh pendapatan. Data menunjukkan responden yang mempunyai gaji berdasarkan tugas adalah kebanyakannya bimbang kepada jangkitan Covid-19 (43.6%). Responden yang bergaji berdasarkan jam bimbang jangkitan Covid-19 (29.6%), kekurangan wang untuk membeli bekalan makanan dan kehilangan pekerjaan (masing-masing 22.2%). Manakala responden bergaji mingguan bimbang jangkitan Covid-19 (31.3%) dan kekurangan wang untuk membeli bekalan makanan (18.8%). Responden berpendapatan bulanan kebanyakannya bimbang kepada jangkitan Covid-19 berbanding dengan isu lain. Responden yang bergaji berdasarkan permintaan adalah bercampur-campur kebimbangan mereka dan dalam pelbagai bentuk, iaitu bimbang pada jangkitan Covid-19 (25.2%), kekurangan wang untuk membeli bekalan makanan (17.8%) dan wang simpanan berkurangan (16.3%).

Rajah 7.3. Perkara yang dibimbangkan- Mode memperoleh pendapatan.



7.1.4 Rajah 7.4 adalah tentang data kebimbangan responden mengikut pecahan pendapatan sebulan. Data menunjukkan, responden yang mempunyai pendapatan RM580 ke bawah lebih bimbang kepada kekurangan wang untuk membeli bekalan makanan. Bagi responden berpendapatan RM580 hingga RM980, kebimbangan mereka adalah kepada jangkitan Covid-19 (24.2%) dan tidak mempunyai simpanan untuk kegunaan semasa kecemasan (19.7%) dan kehilangan pekerjaan (18.2%). Manakala bagi responden berpendapatan RM981 hingga RM2614, RM2615 hingga RM436, RM4361 hingga RM9619 dan RM9620 dan ke atas, mereka lebih bimbang kepada jangkitan Covid-19.

Rajah 7.4. Perkara yang dibimbangkan- Pendapatan sebulan.



7.1.5 Data pecahan mengikut jantina pula menunjukkan perkara yang dibimbangkan ialah sama antara jantina, iaitu jangkitan Covid-19 yang mana masing-masing adalah 50 peratus dan ke atas. Bagi data pecahan umur pula menunjukkan responden yang berumur 18 hingga 25 tahun, 31 hingga 40 tahun dan 41 hingga 60 tahun mempunyai pola kebimbangan yang sama, iaitu bimbang kepada jangkitan Covid-19. Manakala responden yang berumur 61 tahun ke atas, kebimbangan mereka adalah bercampur-baur, iaitu bimbang kepada jangkitan Covid-19 paling utama dan diikuti oleh tidak mempunyai simpanan untuk kegunaan dalam kecemasan, wang simpanan berkurangan, kemampuan untuk membayar bil bulanan dan kehilangan pekerjaan dengan masing-masing 16.7 peratus.

**LAPORAN RINGKAS**  
**KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 1.0 (PKP1.0)**  
**KE ATAS RAKYAT MALAYSIA**


Jadual 7.1. Perkara yang dibimbangkan responden (%).

		Tidak ada	Tidak mempunyai simpanan untuk kegunaan semasa kecemasan	Jangkitan Covid-19	Wang belanja harian tidak mencukupi	Kekurangan wang untuk membeli bekalan makanan	Wang simpanan berkurangan	Kemampuan untuk membayar bil bulanan	Kemampuan untuk membayar hutang	Kehilangan pekerjaan	Lain-lain
<b>Status pekerjaan</b>	Bekerja sebelum dan semasa PKP (tidak hilang pekerjaan dan gaji penuh)	2.5	10.3	58.2	2.2	7.1	4.9	1.2	4.5	7.1	2.0
	Bekerja sebelum PKP dan hilang pekerjaan semasa PKP	0	9.9	25.4	7.2	17.7	9.4	6.1	7.2	14.9	2.2
	Hilang pekerjaan semasa dan selepas PKP	0	26.5	17.6	5.9	17.6	8.8	2.9	8.8	11.8	0
<b>Sektor pekerjaan</b>	Sendiri	0.6	11.5	26.9	5.1	17.3	9.6	5.1	10.3	10.9	2.6
	Swasta	2.5	12.7	41.1	2.5	7.6	7.3	2.9	5.1	17.2	1.0
	Kerajaan	2.0	9.5	63.2	3.1	8.0	3.9	0.8	3.7	3.4	2.4
<b>Mode memperoleh pendapatan</b>	Gaji berasaskan tugas	0	17.3	43.6	6.4	8.2	7.3	4.5	4.5	7.3	0.9
	Gaji berasaskan jam	0	11.1	29.6	3.7	22.2	3.7	3.7	3.7	22.2	0
	Gaji berasaskan mingguan	0	12.5	31.3	6.3	18.8	0	0	0	31.3	0
	Gaji berasaskan bulanan	2.6	9.9	57	2.6	7.6	5.0	1.6	4.4	7.3	2.0
	Gaji berasaskan permintaan	0	10.3	25.2	3.7	17.8	11.2	2.8	12.1	13.1	3.7
<b>Pendapatan sebulan</b>	RM580 ke bawah	0	11.6	20.9	4.7	27.9	16.3	2.3	9.3	7.0	0
	RM580 hingga RM980	0	19.7	24.2	9.1	10.6	7.6	4.5	6.1	18.2	0
	RM981 hingga RM2614	1.9	12.1	41.9	3.8	13	7.6	2.9	4.8	10.2	1.9
	RM2615 hingga RM4360	0.7	8.2	56.7	3.7	7.8	4.1	2.2	5.2	9.0	2.2
	RM4361 hingga RM9619	2.9	10.6	62.3	1.3	5.5	3.9	1.0	5.2	4.8	2.6
	RM9620 dan ke atas	6.9	5.2	72.4	0	0	3.4	0	1.7	8.6	1.7
<b>Jantina</b>	Lelaki	1.8	10.4	51.1	3.3	9.8	6.0	2.2	4.7	8.9	1.8
	Wanita	2.1	11.0	51.5	3.1	8.9	5.6	2.0	5.4	8.4	2.1
<b>Umur</b>	18 hingga 25	6.1	18.2	28.8	4.5	16.7	12.1	4.5	1.5	13.6	0
	26 hingga 30	0.6	12.1	56.3	1.7	4.6	5.7	3.4	5.2	9.2	1.1
	31 hingga 40	1.8	9.6	49.4	3.0	8.7	5.9	2.1	5.9	10.3	3.2
	41 hingga 60	2.1	11.1	55.4	4.0	10.9	4.2	1.1	4.5	5.3	1.3
	61 dan ke atas	0	16.7	33.3	0	0	16.7	16.7	0	16.7	0

## 7.2 Kemampuan bekalan makanan untuk bertahan


7.2.1 Jadual 7.2 secara umumnya menunjukkan hasil berkaitan realiti impak PKP1.0 ke atas kemampuan bekalan makanan responden untuk bertahan. Secara khususnya, Rajah 7.5 menunjukkan data mengikut status pekerjaan yang mana bagi responden yang tidak hilang pekerjaan, didapati peratus bekalan makanan mereka dapat bertahan selama 7 hari (27.5%), 14 hari dan 30 hari (masing-masing antara 21.1% dan 21.3%). Manakala yang bekerja sebelum PKP dan hilang pekerjaan semasa PKP, bekalan makanan mereka dapat bertahan antara 14 hari (22.7%) dan 7 hari (21.5%). Responden yang kehilangan pekerjaan semasa dan selepas PKP, polanya adalah tidak konsisten, iaitu dapat bertahan antara 3 hari (20.6%), 7 dan 30 hari (masing-masing 23.5%).

Rajah 7.5. Kemampuan bekalan makanan untuk bertahan- Status pekerjaan.



7.2.2 Pecahan mengikut sektor pekerjaan (Rajah 7.6) pula mendapati responden yang mempunyai pendapatan tetap seperti pekerjaan sektor kerajaan dan swasta pola kemampuan bekalan bertahan adalah konsisten, iaitu antara 7, 14 dan 21 hari. Namun berbeza dengan responden yang bekerja sendiri, kebanyakannya mampu bertahan selama 7 hari dan 14 hari.


Rajah 7.6. Kemampuan bekalan makanan untuk bertahan mengikut sektor pekerjaan.



**LAPORAN RINGKAS**  
**KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 1.0 (PKP1.0)**  
**KE ATAS RAKYAT MALAYSIA**


7.2.3 Pecahan data mengikut mode pemerolehan gaji dari Rajah 7.7 pula menunjukkan, responden yang memperoleh gaji berasaskan tugas, kebanyakannya bekalan mampu bertahan 7 dan 14 hari. Bagi responden beroleh gaji mengikut jam, bekalan makanan mereka mampu bertahan sehingga 5 hari. Manakala responden yang menerima secara mingguan, dapat bertahan sehingga 3 hari, pendapatan bulanan rata-rata antara 7, 14 dan 30 hari. Manakala responden yang menerima gaji berasaskan permintaan, bekalan makanan dapat bertahan antara 14 dan 30 hari.

Rajah 7.7. Kemampuan bekalan makanan untuk bertahan- Mode pemerolehan gaji.



